

**MANHAJ TAFSIR PIMPINAN AR-RAHMAN DAN AL-QUR'AN
DAN TERJEMAHNYA DALAM PENTAFSIRAN AYAT-AYAT
AL-QASAS: KAJIAN PERBANDINGAN DARI SUDUT
PENGAMBILAN ISRAILIYYAT**

Oleh:

Dr. Ahmad Najib Bin Abdullah*

Abstrak

Al-Qur'an al-Karim banyak memuatkan 'al-qasas' iaitu kisah-kisah ataupun cerita-cerita dengan tujuan memberikan teladan dan pengajaran kepada umat manusia. Umumnya kisah-kisah yang dipaparkan oleh Al-Qur'an melibatkan kisah-kisah lampau terutama kisah para nabi dengan umat masing-masing di samping kisah-kisah lain yang berkaitan dengan sejarah penciptaan alam, peristiwa-peristiwa tertentu yang berlaku sepanjang sejarah, termasuk peristiwa-peristiwa yang berlaku di zaman Nabi SAW dan lain-lain.¹ Sebahagian daripada kisah-kisah ini biasanya diresapi unsur Israiliyyat. Israiliyyat merupakan salah satu isu yang berkaitan dengan pentafsiran Al-Qur'an, penulisan karya-karya Hadith dan sejarah. Umumnya, sebahagian besar kitab tafsir, juga kitab-kitab Agama mengandungi Israiliyyat. Justeru Israiliyyat mendapat laluan selesa dalam masyarakat Islam, termasuk di rantau Nusantara. Namun begitu terdapat sebahagian kitab-kitab tafsir lebih berminat mengambil sikap 'berdiam diri' dari menyentuh cerita-cerita Israiliyyat. Tulisan ini cuba meninjau dan membuat perbandingan terhadap manhaj atau pendekatan dua buah karya tafsir yang utama di Nusantara iaitu Tafsir Pimpinan Ar-Rahman dan Al-Qur'an Dan Terjemahnya dalam berinteraksi dan menangani isu Israiliyyat ini.

TAKRIF ISRAILIYYAT

Perkataan Israiliyyat dari segi bahasa, berasal daripada perkataan (إسرائيليات), kata jamak daripada perkataan (إسرائيل). Perkataan (إسرائيل) pula, menurut Imam al-Tabari r.a², merupakan gelaran kepada Nabi Ya'qub a.s yang bermaksud hamba Allah dan pilihanNya dari kalangan

* Penulis adalah pensyarah kanan di Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Nilam Puri.

para makhlukNya. Ia berasal daripada perkataan Ibrani, dan terbina melalui dua kalimah; *Isra* (إسرا) dan *Iil* (إيل). '*Isra*' bermaksud hamba, manakala '*Iil*' pula bermaksud Allah.

Dr. Muhammad Husain al-Dhahabi, seorang tokoh pengkaji Israiliyyat ada menyatakan: "Lafaz Israiliyyat – pada zahir - adalah lafaz *jama'*, lafaz *mufradnya* *isra'iliyyah*'. Ia adalah kisah atau peristiwa yang *dinaqalkan* daripada sumber *isra'iliy*, dinisbahkan kepada *Isra'il* iaitu Nabi Ya'kub bin Ishaq bin Ibrahim. Kepadanyalah dinisbahkan bangsa Yahudi, lalu dikatakan '*Bani Isra'il*'"³.

PEMBAHAGIAN ISRAILIIYYAT

Apabila disebut Israiliyyat, pada kebiasaannya ia merujuk kepada riwayat-riwayat Israiliyyat yang bersifat negatif atau yang sukar diterima isi kandungannya. Fahaman sebegini kurang tepat memandangkan Israiliyyat itu bukan satu jenis atau satu bentuk sahaja, malah sekurang-kurangnya ia dapat dibahagikan kepada tiga bahagian utama. Setiap bahagian mempunyai statusnya yang tersendiri yang melibatkan implikasi hukum. Merujuk kepada pembahagian ulama' muktabar⁴, Israiliyyat dapat dibahagikan kepada tiga bahagian:

1. Israiliyyat yang selari dengan apa yang ada dalam sumber Islam, Al-Qur'an dan al-Sunnah al-Sahihah.
2. Israiliyyat yang bercanggah dengan Al-Qur'an dan al-Sunnah al-Sahihah.
3. Israiliyyat yang tidak dapat dipastikan statusnya, didiamkan (*maskut 'anhu*), tidak termasuk di dalam kedua-dua bahagian di atas.

Israiliyyat daripada bahagian yang ketiga inilah yang paling banyak terdapat dalam kitab-kitab tafsir dan hadith dan ia merupakan '*bahan ambilan selesa*' oleh kebanyakan pengkualiah, penceramah, dan penulis seolah-olah Israiliyyat jenis ini tiada bezanya dengan bahagian yang pertama.

Ringkasnya, riwayat-riwayat Israiliyyat yang tergolong dalam bahagian yang selari dengan *Syara'*, hukumnya boleh atau harus diriwayatkan. Adapun bahagian yang bercanggah dengan *Syara'*, hukumnya tidak boleh diriwayatkan kecuali disertakan dengan penjelasan tentang percanggahan dan kebatilan itu. Manakala Israiliyyat yang berada dalam bahagian *maskut 'anhu* (didiamkan/tidak dipasti kedudukannya), maka hukumnya boleh diriwayatkan tanpa diterima samada ia benar atau dusta. Sikap ini dipegang oleh ulama' muktabar seperti Ibn Taimiyyah dan Ibn Kathir.

Dalam apa keadaan pun, Israiliyyat berfungsi tidak lebih daripada maklumat tambahan, bukan maklumat teras atau asas yang melibatkan akidah dan kepercayaan. Dalam keharusan meriwayatkan Israiliyyat *al-maskut 'anhu* itupun, harus disedari sebagaimana yang diperingatkan oleh Ibn Taimiyyah dan Ibn Kathir bahawa riwayat-riwayat dalam bahagian ini kebanyakannya tidak memberi apa-apa faedah dalam urusan agama kita, malah lebih baik ditinggalkan sahaja kerana ia membazirkan masa, tambahan pula kebanyakannya membawa pembohongan dan sukar untuk dipastikan yang mana benar dan yang mana pula bohong.

Sehubungan dengan itu, ramai ulama' seperti al-'Allamah al-Syaikh Abd Rahman al-Sa'di⁵, al-'Allamah Ahmad Shakir⁶, Dr. Muhammad Husain al-Dhahabi⁷ mengambil sikap tidak memberi tempat kepada riwayat-riwayat Israiliyyat untuk menyelinap masuk ke dalam kitab-kitab tafsir demi menjaga kemurnian Al-Qur'an. Mereka berpandangan, jika kitab-kitab tafsir disertakan dengan cerita-cerita Israiliyyat, ia pasti akan difahami bahawa Israiliyyat itu berfungsi sebagai suatu yang menjelaskan maksud ayat-ayat Al-Qur'an, sedangkan Israiliyyat itu statusnya tidak menentu, bahkan ia berkemungkinan mengandungi pembohongan.

Pengenalan "*Tafsir Pimpinan Ar-Rahman*"⁸ :

Judul lengkap kepada karya ini ialah "*Tafsir Pimpinan Ar-Rahman Kepada Pengertian Al-Qur'an*".⁹ Ia lahir dari hasrat Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman Putra Al-haj, Perdana Menteri Malaysia yang pertama agar usaha penterjemahan Al-Qur'an dilakukan segera. Pada

mulanya, usaha penterjemahan dilakukan oleh Ustaz Faisal bin Hj. Othman dan kemudiannya diteruskan oleh Sheikh Abdullah bin Mohd. Basmeih. Tafsir ini disemak oleh Hj. Muhammad Noor bin Hj. Ibrahim, Mufti Kerajaan Negeri Kelantan pada waktu itu. Tafsir ini buat pertama kalinya dicetak pada tahun 1968, (jilid pertama) dengan versi tulisan jawi dan diterbitkan oleh Bahagian Agama Jabatan Perdana Menteri Malaysia.

Jenis Pentafsiran:

Tafsir Pimpinan Ar-Rahman memberi tumpuan kepada penterjemahan pengertian atau makna ayat-ayat Al-Qur'an.¹⁰ Kaedah ini dikenali sebagai *tarjamah tafsiriyyah*.¹¹

Manhaj Pentafsiran :

Pada umumnya, pentafsiran surah dimulakan dengan sebuah mukaddimah ringkas berkaitan surah yang ditafsirkan. Ia mengandungi nama surah dan sebab penamaan, tempat diturunkan, *makkiyyah* atau *madaniyyah*, bilangan ayat, dan dinyatakan rumusan surah yang terdiri daripada pokok-pokok perbincangan yang terkandung dalam surah-surah tersebut. Bagi surah-surah yang ada kelebihan atau fadhilatnya, turut dinyatakan sumber hadith yang menyebut hal itu.

Dalam pentafsiran ayat, sebagaimana dinyatakan oleh penyemak, mengambil kira pelbagai pendapat ahli tafsir dan dipilih pendapat yang lebih sesuai dan mudah difahami oleh orang ramai dengan tidak terikat dengan mana-mana aliran tertentu. Penyusun telah membuat huraian-huraian yang difikirkan perlu dengan meletakkannya dalam 'bereket' atau kurungan untuk membezakan antara huraian penyusun dan terjemahan ayat. Ayat-ayat yang memerlukan penjelasan diadakan keterangan ringkas di nota kaki pada halaman berkenaan.

Rujukan :

Berdasarkan senarai rujukan, kitab-kitab tafsir yang dirujuk adalah berbagai jenis. Ada yang terdiri dari kitab-kitab *tafsir bi al-ma'thur*

seperti Jami' al-Bayan (Tafsir al-Tabari), Tafsir Ibn Kathir, dan ada yang tergolong dari kitab-kitab *tafsir bi al-ra'y* seperti Tafsir al-Alusi, Tafsir al-Baidhawi, Tafsir al-Jalalain, di samping beberapa *hasyiah* tafsir seperti Hashiyah Al-Sheikh Zadah, Hashiyah al-Khaffaji, Hashiyah al-Kazaruni, Hashiyah al-Jamal. Antara rujukan tafsir terkemudian yang menjadi rujukan juga seperti Tafsir al-Manar, Tafsir al-Qasimi, Tafsir al-Jawahir, Tafsir Mahmud Shaltut, dan Tafsir Fi Zilal al-Qur'an karangan Sayyid Qutb. Penyusun juga merujuk kepada beberapa kitab dalam bidang ulum al-Qur'an seperti al-Itqan Fi Ulum al-Qur'an karangan al-Suyuti. Dalam senarai rujukan juga, penulis ada menyebut kitab-kitab tafsir Melayu dan Indonesia sebagai rujukan tanpa dinyatakan judul-judulnya.

Penyusun juga merujuk kepada beberapa buah kitab-kitab Hadith seperti Fath al-Bari karangan al-Hafiz Ibn Hajar al-'Asqalani, Sahih Muslim (bi Syarh al-Nawawi), al-Jami' al-Saghir karangan al-Suyuti, Syarh al-'Azizi, Syarh al-Hifni dan lain-lain. Penyusun juga menyebut kitab-kitab kamus Arab dan kitab-kitab kamus Melayu sebagai sebahagian daripada rujukan tafsir ini.¹²

Pengenalan "*Al-Qur'an Dan Terjemahnya*":

Judul karya ini ialah *Al-Qur'an Dan Terjemahnya*. Dalam bahasa Arab, judulnya disebut "*Al-Qur'an al-Karim wa Tarjamatu Ma'anihi ila al-Lughah al-Indonesiyyah*" (*Al-Qur'an al-Karim Dan Terjemahan Maknanya Dalam Bahasa Indonesia*).¹³ Penyusun karya tafsir ini ialah anggota Yayasan Penyelenggara Penterjemah / Pentafsir al-Qur'an, Indonesia yang terdiri dari : Prof. R.H.A. Soenarjo S.H. (Ketua), Prof. T.M. Hasbi Ashshiddiqi, Prof. H. Bustami A. Ghani, Prof. H. Muchtar Jahya, Prof. H.M. Toha Jahya Omar, Dr. H.A. Mukti Ali, Drs. Kamal Muchtar, H. Gazali Thaib, K.H.A Musaddad, K.H. Ali Maksum, dan Drs. Busjairi Madjidi.¹⁴

Latar Belakang Kemunculan:

Lahirnya *Al-Qur'an Dan Terjemahnya* ini adalah dari hasrat Pemerintah Indonesia untuk menterjemah seterusnya memiliki terjemahan al-Qur'an dalam bahasa Indonesia. Untuk itu terbentuklah Lembaga Penterjemahan

Kitab Suci al-Qur'an yang bertindak melaksanakan hasrat itu bermula pada tahun 1961 dan berakhir pada tahun 1970¹⁵. Dan ia telah dicetak dan diterbitkan oleh Mujamma' Khadim al-Haramain al-Syarifain al-Malik Fahd li Tiba'ah al-Mushaf al-Syarif, Madinah, Saudi Arabia pada tahun 1411 H¹⁶. Karya ini telah dicetak dengan semakan dan penelitian semula pada tahun 1422 H.

Manhaj Pentafsiran:

Berdasarkan kenyataan Ketua Dewan Penterjemahan, Prof. R.H.A. Soenarjo S.H, manhaj yang diguna pakai dalam penterjemahan ialah penterjemahan secara seletteryk (seharfiah) mungkin. Jika cara demikian terjemahan tidak dapat difahami, maka ditambah kata-kata dalam kurung atau diberi not (kod nombor). Jika sesuatu kata ada dua pendapat, maka kedua pendapat itu dikemukakan dalam not.¹⁷

Rujukan:

Rujukan kepada karya ini agak banyak, antaranya kitab-kitab tafsir terdahulu seperti Tafsir al-Tabari, Tafsir Ibn Kathir, Tafsir al-Qurtubi, Tafsir al-Baidhawi, Tafsir al-Nasafi, Tafsir al-Khazin, Tafsir al-Razi, Tafsir Abu Hayyan, dan Tafsir al-Zamakhshari. Di antara rujukan-rujukan tafsir terkemudian pula seperti Tafsir al-Qasimi, Tafsir al-Manar, Tafsir al-Jawahir, Tafsir al-Maraghi, Tafsir Fi Zilal al-Qur'an, Tafsir al-Sabuni, Tafsir An-Nur karangan Prof. T.M. Hasbi Ash Shiddieqy dan Tafsir al-Qur'an al-Karim oleh Prof. Dr. Mahmud Yunus. Di samping itu juga terdapat rujukan-rujukan berkaitan ulum al-Qur'an seperti al-Itqan karangan al-Suyuti, Manahil al-'Irfan karangan al-Zarqani, dan Mabathith fi Ulum al-Qur'an oleh Manna' al-Qattan. Al-Qur'an dan Terjemahnya ini juga tidak mengenyampingkan sumber-sumber rujukan dalam bidang hadith. Antara rujukan hadith yang disenaraikan dalam daftar kepustakaan (rujukan) seperti Sahih al-Bukhari dan Sunan al-Tirmizi.¹⁸

Contoh-Contoh Ayat Al-Qur'an Yang Mengundang Pentafsiran Bercampur Israiliyyat:

Untuk melihat secara jelas manhaj kedua-dua kitab tafsir yang dibincangkan ini dalam berinteraksi dengan isu Israiliyyat, dipaparkan di sini beberapa contoh ayat-ayat Al-Qur'an yang menyentuh kisah-kisah terdahulu. Pada kebiasaannya ia mengundang pentafsiran yang bercampur Israiliyyat berdasarkan penelitian dan kajian terhadap kitab-kitab tafsir secara umum serta karya-karya yang membincangkan secara khusus persoalan Israiliyyat.¹⁹ Sebelum menyebut ayat-ayat yang dimaksudkan itu, didahulukan dengan tajuk persoalan yang berkaitan dengan ayat berkenaan.

Penentuan Jenis Pokok Terlarang Dalam Syurga :

Firman Allah SWT dalam surah al-Baqarah ayat 35:

وَقُلْنَا يَتَّعَدُمُ اسْكُنْ أَنْتَ وَزَوْجُكَ الْجَنَّةَ وَكُلَا مِنْهَا رَغَدًا حَيْثُ شِئْتُمَا وَلَا تَقْرَبَا هَذِهِ الشَّجَرَةَ فَتَكُونَا مِنَ الظَّالِمِينَ ﴿٣٥﴾

Tafsiran :

Pimpinan Ar-Rahman :

"Dan kami berfirman: " Wahai Adam! Tinggallah engkau dan isterimu dalam syurga, dan makanlah dari makanannya sepuas-puasnya apa sahaja kamu berdua sukai, dan janganlah kamu hampiri pokok ini; (jika kamu menghampirinya) maka akan menjadilah kamu dari golongan orang-orang yang zalim".

Al-Qur'an Dan Terjemahnya :

"Dan Kami berfirman: "Hai Adam, diamilah oleh kamu dan isterimu surga ini, dan makanlah makanan-makanannya yang banyak lagi baik di mana saja yang

kamu sukai, dan janganlah kamu dekati pohon ini, yang menyebabkan kamu termasuk orang-orang yang zalim”.

Ulasan :

Tafsir Pimpinan Ar-Rahman tidak memberi sebarang ulasan berkaitan jenis atau nama pokok terlarang itu. *Al-Qur'an dan Terjemahnya* pula membuat ulasan seperti berikut:

*“Pohon yang dilarang Allah mendekatinya tidak dapat dipastikan, sebab al-Qur'an dan Hadith tidak menerangkannya. Ada yang menamakan pokok khuldi sebagaimana tersebut dalam surat Thaha ayat 120, tapi itu adalah nama yang diberikan syaitan”.*²⁰

Tafsir Pimpinan Ar-Rahman dengan sikap ‘berdiam diri’ dari membuat ulasan berkenaan jenis pokok itu memberi isyarat bahawa perbincangan mengenainya tidak diperlukan dalam memahami ayat tersebut. Ia sudah cukup baik dan memadai. Pendekatan *Al-Qur'an Dan Terjemahnya* menjelaskan di nota kaki bahawa Al-Qur'an dan Hadith tidak menerangkan jenis pokok itu dan menolak dakwaan yang menyebut pokok berkenaan adalah pokok *khuldi* merupakan satu langkah yang positif kerana ia telah meletakkan satu asas penting dalam berinteraksi dengan ayat-ayat Al-Qur'an yang menyentuh persoalan sedemikian. Dengan kata lain, setiap perkara yang tidak dinyatakan oleh Al-Qur'an dan tidak pula dijelaskan oleh Al-Hadith, maka penentuan mengenainya tidak dapat dipastikan. Hal ini merujuk kepada kuasa pemutus dalam hal-hal sebegini adalah nas yang jelas samada daripada Al-Qur'an ataupun daripada hadith-hadith Nabi SAW yang sahih. Kritikan terhadap pendapat yang menyatakan bahawa pokok terlarang itu ialah pokok *khuldi* juga merupakan satu tindakan yang wajar memandangkan sebahagian besar masyarakat Islam di Nusantara menyangka bahawa nama pokok terlarang itu ialah pokok *khuldi*. Bagi menolak sangkaan itu, *Al-Qur'an Dan Terjemahnya* membuat kritikan yang tepat dan bermanfaat.

Penentuan Anggota Lembu Yang Digunakan Untuk Memukul Si Mati :

Firman Allah SWT dalam surah al-Baqarah ayat 73:

فَقُلْنَا أَضْرِبُوهُ بِبَعْضِهَا ۚ كَذَلِكَ يُخَيِّ اللَّهُ الْمَوْتَىٰ وَيُرِيكُمْ ءَايَاتِهِ
لَعَلَّكُمْ تَعْقِلُونَ ﴿٧٣﴾

Tafsiran :

Pimpinan Ar-Rahman :

"Maka Kami (Allah) berfirman: Pukullah si mati dengan sebahagian anggota lembu yang kamu sembelih itu ...".

Al-Qur'an Dan Terjemahnya :

"Lalu Kami berfirman: Pukullah mayat itu dengan sebahagian anggota sapi betina itu ...".

Ulasan :

Kedua-dua tafsir ini mengambil sikap positif dengan tidak membuat apa-apa huraian di nota kaki berkenaan dengan penentuan bahagian anggota lembu yang digunakan untuk memukul si mati dalam menyelesaikan kes pembunuhan yang berlaku di kalangan golongan Bani Israil. Hal ini berbeza dengan sebahagian kitab-kitab tafsir lain yang menyebut pelbagai pendapat mengenai bahagian anggota lembu itu. Kebanyakan pendapat tersebut bersumberkan riwayat-riwayat Israiliyyat yang tidak dapat dipastikan kesahihannya.

Kisah Harut Dan Marut :

Firman Allah SWT dalam surah al-Baqarah ayat 102:

وَاتَّبَعُوا مَا تَتْلُوا الشَّيَاطِينُ عَلَىٰ مُلْكٍ سَلِيمٍ ۖ وَمَا كَفَرَ سُلَيْمٌ
وَلَكِنَّ الشَّيَاطِينَ كَفَرُوا يُعَلِّمُونَ النَّاسَ السِّحْرَ وَمَا أُنْزِلَ عَلَىٰ
الْمَلَائِكَةِ بَبَابِ هَرُوتَ وَمَرُوتَ ۖ وَمَا يُعَلِّمَانِ مِنْ أَحَدٍ حَتَّىٰ
يَقُولَا إِنَّمَا نَحْنُ فِتْنَةٌ فَلَا تَكْفُرْ ۖ فَيَتَعَلَّمُونَ مِنْهُمَا مَا يُفَرِّقُونَ
بَيْنَ الْمَرْءِ وَزَوْجِهِ ۚ وَمَا هُمْ بِضَارِّينَ بِهِ مِنْ أَحَدٍ إِلَّا بِإِذْنِ
اللَّهِ ۚ ... ﴿١٠٢﴾

Tafsiran :

Pimpinan Ar-Rahman :

"Mereka (membelakangkan Kitab Allah) dan mengikut ajaran-ajaran sihir yang dibacakan oleh puak-puak Syaitan dalam masa pemerintahan Nabi Sulaiman, padahal Nabi Sulaiman tidak mengamalkan sihir yang menyebabkan kekufuran, akan tetapi puak-puak Syaitan itulah yang kafir (dengan amalan sihirnya); kerana merekalah yang mengajarkan manusia ilmu sihir dan apa yang diturunkan kepada dua malaikat: Harut dan Marut, di negeri Babil (Babylon), sedang mereka berdua tidak mengajar seseorang pun melainkan setelah mereka menasihatnya dengan berkata: "Sesungguhnya kami ini hanyalah cubaan (untuk menguji imanmu), oleh itu janganlah engkau menjadi kafir (dengan mempelajarinya)". Dalam pada itu ada juga orang-orang mempelajari dari mereka berdua: ilmu sihir yang boleh menceraikan antara seorang suami dengan isterinya, padahal mereka tidak akan dapat sama sekali memberi mudarat (atau membahayakan) dengan sihir itu seseorang pun melainkan dengan izin Allah..."

Al-Qur'an Dan Terjemahnya :

"Dan mereka mengikuti apa (yang dibaca oleh syaitan-syaitan) pada masa kerajaan Sulaiman (dan mereka mengatakan bahawa Sulaiman itu mengerjakan sihir), padahal Sulaiman tidak kafir (tidak mengerjakan sihir), hanya syaitan-syaitan itulah yang kafir (mengerjakan sihir). Mereka mengajarkan sihir kepada manusia dan apa yang diturunkan kepada dua orang malaikat di negeri Babil yaitu Harut dan Marut, sedang keduanya tidak mengajarkan (sesuatu) kepada seorangpun sebelum mengatakan: "Sesungguhnya kami hanya cubaan (bagimu), sebab itu janganlah kamu kafir. Maka mereka mempelajari dari kedua malaikat itu apa yang dengan sihir itu mereka dapat menceraikan antara seorang (suami) dengan isterinya. Dan mereka itu (ahli sihir) tidak memberi mudharat dengan sihirnya kepada seorangpun kecuali dengan izin Allah ...".

Ulasan :

Dalam *Tafsir Pimpinan Ar-Rahman*, dinyatakan huraian Haji Muhammad Noor, Penyemak Pimpinan Ar-Rahman tentang peneguhan I'tiqad bahawa segala kejadian buruk atau baik itu adalah dari Allah berdasarkan Sunnatullah dan ianya berlaku dengan izin Allah. Beliau mengulas tentang ilmu sihir; kata beliau: *"Ilmu sihir itu memang ada mengandungi hikmat yang Tuhan berikan bagi melahirkan sesuatu perkara yang dapat memberi sesuatu kesan, seperti pembenci atau pengasih"*.²¹ Tafsir ini tidak langsung membuat pendetailan tentang Harut dan Marut. Cukuplah mereka berdua sebagai dua malaikat sepertimana yang diceritakan oleh Al-Qur'an.

Sebaliknya, dalam huraian *Al-Qur'an Dan Terjemahnya* menjelaskan siapa dia dua malaikat; *Harut dan Marut*, di mana ia menyebut pendapat para mufassirin tentang mereka berdua. Ada yang berpendapat, mereka betul-betul malaikat dan ada pula yang berpendapat orang yang dipandang saleh seperti malaikat dan ada pula yang berpendapat, dua orang jahat yang berpura-pura soleh seperti malaikat.²²

Al-Qur'an Dan Terjemahnya tidak menyatakan pendapat yang paling tepat antara tiga pendapat ini. Bagi pendapat penulis, adalah perlu hal ini dinyatakan kerana pendapat yang menyebut bahawa mereka berdua adalah bukan malaikat, tetapi manusia yang dipandang soleh seperti malaikat atau dua orang jahat yang berpura-pura soleh seperti malaikat boleh memberi laluan kepada tafsiran negatif dan mengundang Israiliyyat.

Hakikat 'Sakinah' Dalam Peti 'Tabut' :

Firman Allah SWT dalam surah al-Baqarah ayat 248:

وَقَالَ لَهُمْ نَبِيُّهُمْ إِنَّ آيَةَ مُلْكِهِ أَنْ يَأْتِيَكُمُ التَّابُوتُ فِيهِ
سَكِينَةٌ مِّن رَّبِّكُمْ ...

Tafsiran :

Pimpinan Ar-Rahman :

*"Dan Nabi mereka berkata lagi kepada mereka:
"Sesungguhnya tanda kerajaan Talut itu (yang menunjukkan benarnya dari Allah) ialah datangnya kepada kamu peti Tabut yang mengandungi (sesuatu yang memberi) ketenteraman jiwa dari Tuhan kamu ...".*

Al-Qur'an Dan Terjemahnya :

*"Dan Nabi mereka mengatakan kepada mereka:
"Sesungguhnya tanda ia akan menjadi raja, ialah kembalinya tabut kepadamu, di dalamnya terdapat ketenangan dari Tuhanmu ...".*

Ulasan :

Kedua-dua tafsir ini mengambil sikap positif dengan tidak membuat apa-apa huraian di nota kaki berkenaan dengan 'sakinah' atau ketenangan yang terdapat dalam peti 'al-tabut'. Berbeza dengan sebahagian kitab-

kitab tafsir yang memuatkan tafsiran-tafsiran Israiliyyat yang agak melucukan.

Dalam *Al-Qur'an Dan Terjemahnya* hanya mencatat bahawa *al-tabut* ialah peti tempat menyimpan Taurat yang membawa ketenangan bagi mereka.²³

Penentuan Identiti Orang Yang Dimatikan Allah Seratus Tahun :

Firman Allah SWT dalam surah al-Baqarah ayat 259:

أَوْ كَالَّذِي مَرَّ عَلَى قَرْيَةٍ وَهِيَ خَاوِيَةٌ عَلَى عُرُوشِهَا قَالَ أَنَّى يُحْيِي هَذِهِ اللَّهُ بَعْدَ مَوْتِهَا فَأَمَاتَهُ اللَّهُ مِائَةَ عَامٍ ثُمَّ بَعَثَهُ ...

Tafsiran :

Pimpinan Ar-Rahman :

"Atau (tidakkah engkau pelik memikirkan wahai Muhammad) tentang orang yang melalui sebuah negeri yang telah runtuh segala bangunannya, orang itu berkata: "Bagaimana Allah akan menghidupkan (membina semula) negeri ini sesudah matinya (rosak binasanya)?" Lalu ia dimatikan oleh Allah (dan dibiarkan tidak berubah) selama seratus tahun."

Al-Qur'an Dan Terjemahnya :

"Atau apakah (kamu tidak memperhatikan) orang yang melalui suatu negeri yang (temboknya) telah roboh menutupi atapnya. Dia berkata: " Bagaimana Allah menghidupkan kembali negeri ini setelah hancur?" Maka Allah mematikan orang itu seratus tahun..."

Ulasan :

Pimpinan Ar-Rahman dan Al-Qur'an Dan Terjemahnya kedua-duanya tidak menamakan lelaki yang dimatikan oleh Allah SWT selama seratus tahun itu. Sikap tidak campur tangan dalam hal-hal yang tidak dijelaskan oleh Al-Qur'an atau disebut '*al-mubhamat*' boleh menutup pintu daripada terpengaruh dengan Israiliyyat.

Penentuan Jenis Burung Yang Diambil Oleh Nabi Ibrahim a.s

Firman Allah SWT :

وَإِذْ قَالَ إِبْرَاهِيمُ رَبِّ أَرِنِي كَيْفَ تُحْيِي الْمَوْتَىٰ قَالَ أُولَٰئِكَ تُؤْمِنُونَ
قَالَ بَلَىٰ وَلَٰكِنْ لِّيَطْمَئِنَّ قَلْبِي قَالَ فَخُذْ أَرْبَعَةً مِّنَ الطَّيْرِ فَصُرْهُنَّ
إِلَيْكَ ثُمَّ اجْعَلْ عَلَىٰ كُلِّ جَبَلٍ مِّنْهُنَّ جُزْءًا ثُمَّ ادْعُهُنَّ يَأْتِينَكَ سَعْيًا
وَأَعْلَمْ أَنَّ اللَّهَ عَزِيزٌ حَكِيمٌ ﴿١١﴾

Ulasan :

Tafsir Pimpinan Ar-Rahman dan Al-Qur'an Dan Terjemahnya kedua-duanya tidak menamakan jenis burung-burung itu. Hal ini berbeza dengan sebahagian kitab tafsir yang begitu ghairah menyebut nama jenis-jenis burung yang dimaksudkan oleh ayat berkenaan. Penamaan yang dibuat biasanya diambil dari sumber Israiliyyat.

Penentuan Nama Dua Orang Putera Nabi Adam a.s :

Firman Allah SWT dalam surah al-Maidah ayat 27:

وَأَنزَلْنَا عَلَيْهِم نَبَأَ ابْنَيْ آدَمَ بِالْحَقِّ إِذْ قَرَّبَا قُرْبَانًا فَتُقُبِّلَ مِنْ أَحَدِهِمَا
وَلَمْ يُتَقَبَّلْ مِنَ الْآخَرِ ... ﴿١٧﴾

Pimpinan Ar-Rahman :

"Dan bacalah (wahai Muhammad) kepada mereka kisah (mengenai) dua orang anak Adam (Habiil dan Qaabil)..."

Al-Qur'an Dan Terjemahnya :

"Ceriterakanlah kepada mereka kisah kedua putera Adam (Habil dan Qabil) ..."

Ulasan :

Kedua-dua tafsir ini menamakan kedua-dua anak lelaki Nabi Adam a.s sebagai Habil dan Qabil. Masyarakat Islam pada umumnya mengetahui bahawa Habil dan Qabil merupakan dua orang anak Nabi Adam a.s yang dikaitkan dengan isu pengorbanan yang akhirnya membawa kepada pembunuhan itu, walaupun penamaan ini sebenarnya tidak terdapat dalam Al-Qur'an dan juga al-Sunnah al-Sahihah. Ia berkemungkinan diambil daripada sumber-sumber Israiliyyat.

Fitnah Isteri Pembesar Mesir Terhadap Nabi Yusuf a.s :

Firman Allah SWT dalam surah Yusuf ayat 24:

وَلَقَدْ هَمَّتْ بِهِ^ط وَهَمَّ بِهَا لَوْلَا^ط أَنْ رَأَىٰ بُرْهَانَ رَبِّهِ^ط ... ﴿٢٤﴾

Tafsiran :

Pimpinan Ar-Rahman :

"Dan sebenarnya perempuan itu telah berkeinginan sangat kepadanya, dan Yusuf pula (mungkin timbul) keinginannya kepada perempuan itu kalaulah ia tidak menyedari kenyataan Tuhannya (tentang kejinya perbuatan zina itu)..."

Al-Qur'an Dan Terjemahnya :

"Sesungguhnya wanita itu telah bermaksud (melakukan perbuatan itu) dengan Yusuf, dan Yusuf pun bermaksud (melakukan pula) dengan wanita itu andaikata dia tidak melihat tanda dari Tuhannya..."

Tafsir ini kemudiannya ada menyediakan huraian berikut :

"Ayat ini tidaklah menunjukkan bahwa Nabi Yusuf a.s punya keinginan yang buruk terhadap wanita itu Zulaikha, akan tetapi godaan itu demikian besarnya sehingga andaikata dia tidak dikuatkan dengan keimanan kepada Allah SWT tentu dia jatuh ke dalam kema'siatan".²⁴

Ulasan :

Kedua-dua tafsir tidak memberi laluan kepada tafsiran-tafsiran negatif dan Isra'iliyyat berkenaan dengan keinginan Nabi Yusuf a.s itu, sebaliknya memelihara dan mempertahankan kehormatan beliau sebagai nabi dan rasul yang dima'sumkan Allah SWT.

Penentuan Orang Yang Diberi *al-Kitab* Dalam Kisah Nabi Sulaiman a.s :

Firman Allah SWT dalam surah al-Naml ayat 40:

قَالَ الَّذِي عِنْدَهُ عِلْمٌ مِّنَ الْكِتَابِ أَنَا آتِيكَ بِهِ قَبْلَ أَن يَرْتَدَّ
إِلَيْكَ طَرْفُكَ ... ﴿٤٠﴾

Tafsiran :

Pimpinan Ar-Rahman :

"Berkata pula seorang yang mempunyai ilmu pengetahuan dari Kitab Allah:" Aku akan membawakannya kepadamu dalam sekelip mata..."

Dalam huraian, Tafsir ini ada menyatakan:

"Siapa orang itu, yang demikian kelebihanannya? Tidak diterangkan di dalam Al-Qur'an; yang diterangkan bahawa ia seorang yang mempunyai ilmu pengetahuan dari Kitab Allah. Oleh itu nyatalah ia seorang yang salih dan maqbul do'anya."²⁵

Al-Qur'an Dan Terjemahnya :

"Berkatalah seorang yang mempunyai ilmu dari al-Kitab: "Aku akan membawa singgahsana itu kepadamu sebelum matamu berkedip."

Ulasan :

Tafsir Pimpinan Ar-Rahman dengan jelas menyatakan bahawa identiti orang yang diberikan *al-Kitab* itu tidak diterangkan oleh Al-Qur'an. Justeru apa jua penentuan yang dibuat terhadap individu berkenaan adalah sesuatu yang tidak berdasarkan kenyataan Al-Qur'an. *Al-Qur'an Dan Terjemahnya* pula berpada dengan berdiam diri tanpa sebarang ulasan.

Hakikat Ujian Nabi Sulaiman a.s :

Firman Allah SWT dalam surah Saad ayat 34:

وَلَقَدْ فَتَنَّا سُلَيْمَانَ وَأَلْقَيْنَا عَلَى كُرْسِيِّهِ جَسَداً ثُمَّ أَنَابَ ﴿٣٤﴾

Tafsiran :

Pimpinan Ar-Rahman :

"Dan demi sesungguhnya! Kami telah menguji Nabi Sulaiman (dengan satu kejadian), dan Kami letakkan di atas takhta kebesarannya satu jasad (yang tidak cukup sifatnya); kemudian ia kembali (merayu kepada kami)".

Tafsir ini kemudiannya membuat huraian berikut :

"Keterangan yang kuat mengenai ujian yang dikenakan kepada Nabi Sulaiman a.s iaitu sebagaimana yang tersebut dalam hadith-hadith yang sahih bahawa Nabi Sulaiman, pada suatu malam, bersumpah akan bersatu dengan isteri-isterinya supaya tiap-tiap seorang dari mereka melahirkan anak lelaki yang akan menjadi pahlawan yang berjuang pada jalan Allah; tetapi Nabi Sulaiman tidak menyebut "Insyaa Allah" di dalam sumpahnya itu sekalipun ia diingatkan oleh malaikat supaya berbuat demikian. Iapun bersatu dengan isteri-isterinya, tetapi disebabkan kesilapannya itu, hanya seorang sahaja di antaranya yang telah melahirkan seorang anak yang tidak cukup sifatnya, lalu bidan meletakkannya di atas takhta kebesaran Nabi Sulaiman untuk dilihatnya. Di dalam hadith itu, Nabi Muhammad SAW bersabda, maksudnya: Demi sesungguhnya! Kalaulah Nabi Sulaiman berkata: "Insyaa Allah" tentulah ia mendapat anak-anak yang sanggup berjuang pada jalan Allah".²⁶

Al-Qur'an Dan Terjemahnya :

"Dan sesungguhnya Kami telah menguji Sulaiman dan Kami jadikan (dia) tergeletak di atas kursinya sebagai tubuh (yang lemah karena sakit), kemudian ia bertaubat".

Tafsir ini kemudiannya mengemukakan huraian berikut :

"Sebahagian ahli tafsir mengatakan bahwa yang dimaksud dengan ujian ini ialah keberantakan kerajaan Sulaiman sehingga orang lain duduk di atas singgasananya".²⁷

Ulasan :

Jika diperhatikan kedua-dua pendekatan tafsir ini, jelas wujud perbezaan yang amat ketara antara kedua-duanya. *Tafsir Pimpinan Ar-Rahman* telah berjaya mengemukakan tafsiran yang sahih terhadap maksud ayat berkenaan. Tafsiran itu berdasarkan hadith Nabi SAW yang sahih. Dalam hal ini, *Tafsir Pimpinan Ar-Rahman* menggunakan kaedah tafsir Al-Qur'an dengan al-Sunnah, sekali gus tidak membuka jalan kepada tafsiran-tafsiran yang bersandarkan Israiliyyat.

Sebaliknya, *Al-Qur'an Dan Terjemahnya* melalui huraian yang dikemukakan, menimbulkan kekeliruan dan salah faham terhadap sejarah pemerintahan Nabi Sulaiman a.s. Apakah pernah berlaku 'keberantakan' (kacau bilau) di zaman pemerintahannya sehingga ada 'orang lain' yang duduk di atas singgasananya? Siapakah gerangan orang itu? Adakah ia iblis yang menyamar sebagai Nabi Sulaiman a.s dan melakukan rampasan kuasa terhadap kerajaan Nabi Sulaiman a.s? Pendapat ini kemungkinan besarnya dinukilkan daripada cerita-cerita Israiliyyat yang jelas bercanggah dengan kemaksuman para nabi dan rasul.

Ujian Nabi Ayyub a.s :

Firman Allah SWT dalam surah Saad ayat 41:

وَأَذْكُرْ عَبْدَنَا أَيُّوبَ إِذْ نَادَىٰ رَبَّهُ أَنِّي مَسَّنِيَ الشَّيْطَانُ بِنُصْبٍ

وَعَذَابٍ

Tafsiran :

Pimpinan Ar-Rahman :

"Dan (ingatkanlah peristiwa) hamba kami: Nabi Ayyub, ketika ia berdoa merayu kepada Tuhannya dengan berkata : "Sesungguhnya aku diganggu oleh Syaitan dengan (hasutannya semasa aku ditimpa) kesusahan dan azab seksa (penyakit)".

Tafsir ini kemudiannya mencatat huraian berikut :

"Mulai ayat ini, Allah Ta'ala menceritakan perihal Nabi Ayyub a.s dan kesabarannya menghadapi ujian yang berat". " Ya'ni semasa ia bersabar terhadap kesusahan yang sedang menimpanya- penderitaan penyakit dan kehilangan anak pinak dan harta benda- ia diganggu oleh Syaitan dengan berbagai-bagai hasutan untuk merosakkan kesabarannya..."²⁸

Al-Qur'an Dan Terjemahnya :

"Dan ingatlah akan hamba Kami Ayyub ketika ia menyeru Tuhannya; "Sesungguhnya aku diganggu syaitan dengan kepayahan dan siksaan".

Ulasan :

Kedua-dua tafsir ini tidak terpengaruh dengan cerita-cerita Israiliyyat yang merendahkan martabat Nabi Ayyub a.s sebagai seorang nabi dan rasul sehingga beliau digambarkan seorang yang ditimpa penyakit yang cukup menjijikkan. Tafsiran yang dikemukakan oleh kedua-dua tafsir ini merupakan tafsiran yang tepat dan mencukupi.

Penutup

Berdasarkan tinjauan terhadap pendekatan Tafsir Pimpinan Ar-Rahman dan Al-Qur'an Dan Terjemahnya dalam berinteraksi dengan Israiliyyat, dapatlah disimpulkan bahawa kedua-dua tafsir memainkan peranan yang besar dalam membendung penularan Israiliyyat di kalangan masyarakat Islam Nusantara. Hal ini dapat dibuktikan melalui kajian terhadap ayat-ayat yang berpotensi mengundang pelbagai tafsiran yang berbaur Israiliyyat di mana sebahagian besar tafsiran dan ulasan adalah baik dan menepati tafsiran yang sahih. Walaupun terdapat sedikit sebanyak ulasan dan pandangan yang agak cenderung kepada Israiliyyat, terutama dalam *Al-Qur'an Dan Terjemahnya* namun ianya tidak menjejaskan kualiti dan kewibawaan tafsir. Sukacita disarankan di sini agar satu manhaj yang jelas dalam menangani isu Israiliyyat dan seumpamanya dapat dinyatakan di permulaan kedua-dua karya bernilai ini agar para pembaca memahami pendekatan sebenar yang perlu diambil dalam interaksi mereka dengan ayat-ayat berbentuk '*qasas*' (kisah-kisah) yang terdapat dalam Al-Qur'an al-Karim.

NOTA HUJUNG

- ¹ Manna' al-Qattan (1971), *Mabahith fi Ulum al-Qur'an*, Beirut: Mansyurat al-Asr al-Hadith, h.259-260
- ² Muhammad bin Jarir al-Tabari, *Jami' al-Bayan 'an Ta'wil Aayi Al-Qur'an*, j. 1, al-Qaherah: Dar al-Ma'arif, h. 553
- ³ Muhammad Husain Al-Dhahabi (1405H), *Al-Israiliyyat fi al-Tafsir wa al-Hadith*, Dimasyq: Dar al-Iman, h. 19.
- ⁴ Lihat: Ibn Taimiyyah (1979), *Muqaddimah fi Usul al-Tafsir*, Beirut: Dar Al-Qur'an al-Karim, h. 100.
- ⁵ Lihat: Abd Rahman bin Nasir al-Sa'di (1417H), *Taisir al-Karim al-Rahman fi Tafsir Kalam al-Mannan*, Beirut: Muassasah al-Risalah, h.37 – 38.
- ⁶ Lihat: Ahmad Shakir (1376H), *'Umdah al-Tafsir 'an al-Hafiz Ibn Kathir*, j. 1, al-Qahirah: Dar al-Ma'arif, h. 15.
- ⁷ Lihat: Muhammad Husain Al-Dhahabi (1405H), *op. cit.*, h. 203.
- ⁸ Pengenalan ini dirumuskan dari kata-kata Penyemak dan Penterjemah kepada *Tafsir Pimpinan Ar-Rahman*. Lihat : h. ix, x, xi, .
- ⁹ Naskhah *Tafsir Pimpinan Ar-Rahman* yang digunakan dalam kajian dan penilaian ini adalah naskhah cetakan pertama tahun 1980.
- ¹⁰ Lihat kata pengantar Penyemak . h. xi, xii, xiii
- ¹¹ *Tarjamah Tafsiriyyah* ialah pentafsiran al-Qur'an dengan bahasa selain bahasa Arab yang mengambil kira syarat-syarat pentafsiran al-Qur'an yang diperakui ulama' muktabar. Lihat: Muhammad Husain al-Dhahabi (1976), *al-Tafsir wa al-Mufasssirun*, j. 1, al-Qaherah: Dar al-Kutub al-Hadithah, h. 27-30 .
- ¹² Lihat: *Tafsir Pimpinan Ar-Rahman*, h. xiii, xiv
- ¹³ Naskhah tafsir *Al-Qur'an Dan Terjemahnya* yang digunakan untuk tujuan kajian dan penilaian dalam tulisan ini adalah naskhah cetakan *Mujamma' al-Malik Fahd li Thiba'at al-Mushhaf al-Syarif*, al-Madinah al-Munawwarah, Arab Saudi, cetakan tahun 1422H.
- ¹⁴ Lihat: Kata Pengantar, *Al-Qur'an Dan Terjemahnya* (1422H).
- ¹⁵ Muhammad Nur Lubis (2002), *Data-Data Terbitan Awal Penterjemahan Dan Pentafsiran Al-Qur'an Di Alam Melayu*, K. Lumpur: al-Hidayah Publishersm, h.73-75.
- ¹⁶ *Ibid.*, h. 72.
- ¹⁷ *Ibid.*, h. 80 - 81
- ¹⁸ *Ibid.*, h. 143 - 144
- ¹⁹ Antara karya-karya khusus tentang Israiliyyat, seperti: *Al-Israiliyyat wa al-Maudhu'at fi Kutub al-Tafsir* oleh Muhammad bin Muhammad Abu Shahbah dan: *Al-Israiliyyat wa Atharuha fi Kutub al-Tafsir* oleh Ramzi Na'na'ah.
- ²⁰ *Al-Qur'an Dan Terjemahnya* (1422H), al-Madinah al-Munawwarah: *Mujamma' al-Malik Fahd li Tiba'at al-Mushhaf al-Syarif*, Lihat nota kaki no. 37, h. 14.
- ²¹ Lihat: *Tafsir Pimpinan Ar-Rahman*, nota kaki no. 41, h. 40.
- ²² Lihat nota kaki no. 78, h. 28.
- ²³ Lihat nota kaki no. 156, h. 61.
- ²⁴ Lihat nota kaki no. 750, h. 351.
- ²⁵ Lihat nota kaki no. 1269, h. 984
- ²⁶ Lihat nota kaki no. 1528, h. 1209 - 1210
- ²⁷ Lihat nota kaki no. 1303, h. 737.
- ²⁸ Lihat nota kaki no. 1529 – 1530, h. 1210